

Islam dan masjid-masjid lama dinegeri Perak  
serta pengaruh senibinanya.

01 ill:

Mokhtar bin Mohamad" Akhir

I/O Itm:86597285

Satu kajian akhir .yang disediakan untuk  
memenuhi sebahagian daripada syarat untuk  
penganugerahan Diploma Senibina.

Jabatan Senibina

Kajian Senibina,Perancang dan Ukur

Institut Teknologi Mara

Shah Alam

Julai 1^87.

## Penghargaan

<sup>1</sup>Bismillahirrahmanirrahim<sup>1</sup>

"Kepada Allah subhanahuwataala saya ucapkan kesyukuran yang tiada terhingga, kerana tiada dapat saya menyiapkan penulisan mengenai kajian akhir sejarah senibina ini kalau tidak dari petunjukNya, tidak ada ilmu bagi ku melainkan apa yang engkau ajarkan kepada ku, sesungguhnya engkau adalah yang maha mengetahui lagi maha bijaksana.

Disini saya ingin merakamkan berbanyak-banyak terima kasih serta penghargaan kepada Encik Abdul Ghani Desa selaku pensyarah sejarah senibina Institut Teknologi Mara, yang memberi semangat, panduan serta tunjuk ajar sepanjang penulisan saya ini.

Tidak dilupakan juga penghargaan serta terima kasih kepada pihak; Muzium Negara yang membenarkan saya - membuat rujukan didalam perpustakaan disana, perpustakaan Tun Abdul Razak Ibm Shah Alam, juga kepada En. Abd. Wahid bin Mohd Hashim yang berada diTaiping, - S3udara Hashim bin Mat Said, serta penduduk-penduduk Kampung masjid Tinggi, Bagan Serai dan <juga kepada - penduduk-penduduk kampung Kuala Kangsar.

## Tujuan Kajian:

Tujuan penulisan kajian ini ialah untuk mengkaji serta mengetahui tentang sejarah awal negeri Perak. ini termasuklah dari segi pengaruh agama terutamanya agama Buddha/Hindu sebelum kedatangan agama Islam.

Dari segi seni bina pula Islam memainkan peranan yang penting terhadap bangunan-bangunan di negeri Perak. khususnya, terutamanya pada bangunan-bangunan masjid. Pengaruh seni bina Islam pada masjid-masjid di negeri Perak diperkuatkan lagi oleh penduduk-penduduk awal negeri Perak yang kebanyakannya mengamalkan beragama Islam.

Diharap hasil daripada penulisan ini dapatlah kiranya kita membuat kesimpulan serta bandingan terutamanya terhadap ciri-ciri seni bina Islam yang berasaskan kepada falsafah seni bina di Asia Tenggara dengan seni bina di Asia Barat.

Skop Kajian:

Skop kajian penulisan ini meliputi 'sejarah, pengaruh - agama serta penempatan awal penduduk-penduduk dinegeri Perak dan pengaruh seni bina Islam yang berdasarkan kepada seni bina Asia Tenggara terhadap masjid-masjid dinegeri Perak.

Didalam kajian ini dari segi sejarah awal negeri Perak diceritakan mengenai catatan ahli sejarah tentang sejarah awal negeri Perak dan juga penulisan mengenai penubuhan kerajaan-kerajaan awal negeri Perak.

Juga mengenai penempatan-penempatan awal penduduk-penduduk dinegeri Perak serta pengaruh-pengaruh yang dibawa oleh mereka terutamanya didalam bidang seni bina. Kedatangan agama Islam dinegeri Perak serta pengaruh senibinanya yang berkaitan rapat dengan penduduk dan iklim di Asia Tenggara ini, khususnya dinegeri Perak terutamanya terhadap seni bina masjid-masjid.

Isi kandungan:

- Bahagian 1.   Pendahuluan umum
  - 1.0   Benarkah tamaddun awal negara kita bermula di negeri Perak?
  
- Bahagian 2    Kedudukan negeri Perak
  - 1.0   Batasan geografi
  - 2.0   Asal-usul nama negeri Perak
  - 3.0   Penduduk-penduduk negeri Perak
  
- Bahagian 3.   Kedatangan agama Islam kenegeri Perak
  - 1.0   Pengaruh awal
  - 2.0   Islam dialam melayu
  - 3.0   Faktwa-faktwa tentang kedatangan agama Islam kenegeri Perak
  
- Bahagian 4.   Pentadbiran hal-ehwal agama Islam dinegeri Perak sebelum dan selepas kemerdekaan